



NOTIS MAKLUMAN PELAKSANAAN PROGRAM BIDAAN KOMPETITIF BAGI PEMBANGUNAN LOJI JANAKUASA SOLAR PV BERSKALA BESAR (LSS) DI SEMENANJUNG MALAYSIA

REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) BAGI PEMILIHAN PEMAJU BERKELAYAKAN & TAPAK PROJEK

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli melalui Suruhanjaya Tenaga (ST) akan menawarkan kuota solar sebanyak 1,000MW_{ac} melalui proses bidaan kompetitif di bawah Program LSS@MEnTARI atau Program *Large Scale Solar By Malaysian Electricity Industry To Attract RE Investment*. Ini merupakan langkah Kerajaan untuk memulihkan dan merangsang ekonomi berikutan penularan wabak Covid-19 yang telah menjejaskan ekonomi negara. Ia juga bertujuan merancang pembangunan industri pembekalan elektrik negara khususnya industri tenaga boleh baharu (TBB).

Proses bidaan kali keempat ini menyasarkan kapasiti berjumlah 1,000MW_{ac} dengan pakej yang ditawarkan seperti berikut:

- **Pakej 1** dengan jumlah kuota yang ditawarkan sebanyak 500MW_{ac}. Bagi pakej ini, julat kapasiti yang ditawarkan ialah di antara 10MW_{ac} hingga kurang daripada 30MW_{ac}; dan
- **Pakej 2** dengan jumlah kuota yang ditawarkan sebanyak 500MW_{ac}. Bagi pakej ini, julat kapasiti yang ditawarkan ialah di antara 30MW_{ac} hingga 50MW_{ac}.

Loji-loji janakuasa solar di bawah Program LSS@MEnTARI ini dijangka mula beroperasi selewat-lewatnya pada 31 Disember 2023.

Sehubungan dengan itu, ST ingin mempelawa syarikat atau konsortium yang mempunyai pengalaman dalam melaksanakan projek-projek yang berkaitan dengan penjanaan tenaga, memiliki keupayaan teknikal dan kewangan untuk membangunkan, membiayai dan mengoperasi loji janakuasa solar untuk mengambil bahagian dalam proses bidaan kompetitif mengikut kriteria yang ditetapkan dalam dokumen *Request for Proposal* (RFP).

Dokumen RFP akan dijual mulai dari **31 Mei 2020 sehingga jam 5.00 petang pada 12 Jun 2020** secara dalam talian melalui laman sesawang ST iaitu www.st.gov.my. Bayaran dikenakan sebanyak RM2,000.00 bagi setiap dokumen RFP. Serahan dokumen bidaan yang lengkap adalah **sebelum jam 5.00 petang pada 2 September 2020**. Mekanisme penyerahan dokumen bidaan akan dimaklumkan melalui laman sesawang ST.

Selaras dengan hasrat Kementerian untuk memastikan pelaburan dalam bidang TBB memberi manfaat kepada rakyat tempatan serta memberikan kesan limpahan serta-merta kepada ekonomi negara, Kerajaan telah menetapkan supaya penyertaan hanya dibuka kepada syarikat-syarikat 100% milik tempatan yang diperbadankan atau didaftarkan di Malaysia. Syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia yang berminat untuk menyertai LSS@MEnTARI hendaklah memiliki sekurang-kurangnya 75% pegangan saham tempatan.

www.st.gov.my

lss4@st.gov.my